

BAB IV

AMALAN PERKAHWINAN BERBEZA AGAMA

Pada Bab IV ini, penyelidik membahaskan dan menganalisis amalan perkahwinan berbeza agama di kalangan masyarakat Muslim, terutama masyarakat Muslim Indonesia. Pembahasan ini bermula dengan penjelasan bahawa amalan perkahwinan berbeza agama di kalangan sebahagian masyarakat Muslim merupakan sesebuah realiti sosial yang tidak boleh dipertikaikan kewujudannya.

Fakta sosial itu merupakan anjakan penyelidik dalam menganalisis sesuatu perkara yang berselindung di sebalik aturan yang telah ada, sama ada ketentuan yang ada di dalam Hukum Islam mahupun ketentuan yang ada dalam peraturan perundangan di Indonesia, khususnya Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan. Analisis ini bukan untuk menafikan kebenaran al-Quran dan hadīth atau menafikan kebaikan yang ada dalam peraturan perundangan di Indonesia, melainkan ianya dilakukan untuk mengungkapkan sesuatu perkara yang tidak dibicarakan oleh teks sehingga ditemukan pesan sebenar daripada wujudnya sesebuah aturan. Ali Harb mengatakan bahawa jika umat Islam mampu membaca secara produktif terhadap teks-teks Islam, maka mereka akan mampu memprojeksikan budayanya di masa hadapan dengan berdasarkan keadaan yang sesuai untuk masa kini. Kerana pada asasnya teks Islam merupakan respons terhadap situasi histori yang dihadapi umat Islam pada masa itu.¹

Selepas itu, pembahasan diteruskan dengan menimbang maslahat dan mudarat daripada amalan perkahwinan beza agama. Sebab kebanyakan orang yang melakukan perkahwinan berbeza agama selalu berasaskan cinta sahaja tanpa mempertimbangkan ketentuan agama yang telah diyakininya sejak kecil lagi mahupun kesan amalan itu

¹ Ali Harb (2003), *Kritik Nalar al-Quran*, M. Faisol Fatawi (terj.). Yogyakarta: LKIS, hlm. 15.

terhadap kehidupan keluarga yang dibina, keberlangsungan generasi Muslim, dan masyarakat Muslim secara keseluruhan.

4.1 Perkahwinan Berbeza Agama Sebagai Sesebuah Realiti Sosial

Perkahwinan berbeza agama bagaimanapun juga adalah sesebuah kenyataan sosial yang berlaku sejak zaman awal-awal Islam hingga pada masa sekarang. Dalam lintasan sejarah yang dirakamkan pada beberapa *literature* Islam, kenyataan perkahwinan berbeza agama ini sudah pun dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW sendiri yang kemudian diikuti oleh para sahabatnya. Nabi Muhammad SAW telah berkahwin dengan wanita Yahudi yang bernama Ṣofīyyah binti Huyay bin Akhtāb, dan wanita Nasrani yang bernama Maria al-Qibṭīyyah.² Kedua-duanya adalah wanita daripada pembesar atau penguasa Yahudi dan Nasrani. Dan di antara sahabat yang melaksanakan perkahwinan berbeza agama adalah Usman bin Affan yang berkahwin dengan wanita Nasrani yang bernama Naylah binti al-Farāfidah al-Kalbiyah, Hudzayfah bin al-Yamānī, Ṭalḥah bin Ubaydillah dan beberapa sahabat yang lain.³ Daripada wanita-wanita yang dikahwini oleh Nabi SAW dan para sahabat tersebut adalah wanita yang digolongkan sebagai wanita Ahli Kitab.

Apabila dilihat daripada aspek sejarahnya, kenyataan perkahwinan berbeza agama yang telah dilaksanakan pada zaman awal-awal Islam tersebut berlaku setelah Nabi Muhammad SAW hijrah ke Madinah dan juga turunnya surah al-Māidah (5) ayat 5 yang berbunyi:

² Ibn Ismā'īl Kathīr (1989), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, juzuk II. Beirut: Dār al-Ma'rifah, hlm. 347; Nasrul Umam Syafi'i dan Ufi Ulfiah (t.t), *Ada Apa Dengan Nikah Beda Agama*. Depok: Qultum Media, hlm. 51; dan Fathurrahman Djamil (1995), *Metode Ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah*. Jakarta: Logos, hlm. 144-145. Abdul Mutaal Muhammad al-Jabry pula berpendapat bahawa perkahwinan Nabi Muhammad SAW dengan kedua-dua wanita tersebut dilakukan setelah mereka memeluk agama Islam. Lihat Abdul Mutaal Muhammad al-Jabry (1991), *Perkahwinan Campuran Menurut Pandangan Islam*, Achmad Syathori (terj.). Jakarta: Bulan Bintang, hlm. 124-128. Bandingkan dengan Abdul Azis Dahlan (ed.) (1996), *Ensiklopedi Hukum Islam*. Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve, hlm. 47-48.

³ Wahbah al-Zuhayli (1989), *Al-Fiqh al-Islām wa Adillatuhu*, juzuk IV. Damshik: Dār al-Fikr, hlm. 152. Bandingkan dengan Sayyid al-Sabiq (1977), *Fiqh al-Sunnah*, juzuk II. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabiy, hlm. 101.

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمُ الطَّيِّبَاتُ ۚ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ
 وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ ۚ وَالْمَحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمَحْصَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ
 أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ مُحْصِنِينَ غَيْرَ
 مُسَفِحِينَ وَلَا مُتَّخِذِي أَخْدَانٍ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبِطَ
 عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya:

“Pada hari ini dihalalkan bagimu yang baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberi Kitab (Ahli Kitab) itu halal bagimu, dan makanan kamu halal (pula) bagi mereka. (dan dihalalkan mengahwini) wanita yang menjaga kehormatan di antara wanita-wanita yang beriman dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi Kitab (Ahli Kitab) sebelum kamu, bila kamu telah membayar mas kahwin mereka dengan maksud menikahinya, tidak dengan maksud berzina dan tidak (pula) menjadikannya gundik-gundik. Sesiapa yang kafir sesudah beriman (tidak menerima hukum-hukum Islam), maka hapuslah amalannya dan ia di hari kiamat termasuk orang-orang merugi.”

Surah al-Māidah (5): 5

Daripada surah al-Māidah (5) ayat 5 di atas dan fakta-fakta sejarah di atas cukup membuktikan bahawa hukum perkahwinan berbeza agama antara lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab adalah harus. Namun, fakta sejarah tersebut bukan hanya sebagai sebuah kenyataan tanpa perlu difahami secara lebih mendalam mengenainya. Kerana bagaimanapun juga diwujudkan sesebuah perkahwinan adalah untuk menjana tujuan perkahwinan itu, iaitu terwujudnya keluarga *sakinah mawaddah wa rahmah*. Dan untuk mewujudkan tujuan perkahwinan tersebut diperlukan kesatuan hati yang dikuatkan dengan nilai-nilai kepercayaan yang berupa akidah agama, sehingga perkahwinan yang dilakukan tidak membahayakan dan menjejaskan keimanan, keberlangsungan generasi Islam, dan keluarganya.

Dilihat daripada aspek subjek atau pelaku perkahwinan yang terjadi pada masa awal Islam dapat difahamkan juga bahawa lelaki Muslim yang mengahwini wanita Ahli Kitab tersebut adalah lelaki yang mempunyai akidah agama yang kukuh. Sehingga

perkahwinan yang dilaksanakannya boleh membawa faedah bagi umat Islam, iaitu bertambahnya kuantiti umat Islam yang sememangnya diperlukan pada masa itu. Kerana kukuhnya akidah agama yang dimiliki oleh seorang suami sekiranya dapat mengajak isterinya untuk memeluk agama Islam. Di samping itu, sistem budaya masyarakat Arab yang bersifat patriarkhi memberikan peluang yang cukup besar untuk membina keberlangsungan generasi Muslim melalui anak-anak yang dilahirkannya. Sebab dalam sistem budaya patriarkhi, seorang lelaki mempunyai pengaruh yang cukup besar terhadap keluarga dan masyarakat berbanding wanita.

Daripada aspek sosial dan politik pula dapat diketahui bahawa wujudnya kenyataan perkahwinan berbeza agama antara lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab pada masa awal Islam ini berlaku setelah adanya larangan secara am terhadap perkahwinan berbeza agama, sama ada seseorang itu Ahli Kitab mahupun bukan Ahli Kitab. Larangan ini nampak daripada diturunkannya surah al-Baqarah (2) ayat 2 yang berbunyi:

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَةَ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ^ج وَلَا أَمَةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ
أَعْبَبَتْكُمْ^ط وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا^ج وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ
مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ^ط أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى الْجَنَّةِ
وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ^ط وَيُبَيِّنُ^ط آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu menikahi wanita-wanita musyrik, sebelum mereka beriman. Sesungguhnya wanita budak yang mukmin lebih baik daripada wanita musyrik, walaupun dia menarik hatimu. Dan janganlah kamu menikahkan orang-orang musyrik (dengan wanita-wanita mukmin) sebelum mereka beriman. Sesungguhnya budak yang mukmin lebih baik daripada orang musyrik, walaupun dia menarik hatimu. Mereka mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke surga dan ampunan dengan izin-Nya. dan Allah menerangkan ayat-ayat-Nya (perintah-perintah-Nya) kepada manusia supaya mereka mengambil pelajaran”.

Surah al-Baqarah (2): 221

Surah al-Baqarah (2) ayat 221 di atas merupakan awal munculnya wacana larangan perkahwinan berbeza agama pada masa awal hijrahnya Nabi Muhammad ke Madinah. Larangan perkahwinan berbeza agama ini bagi umat Islam tidak hanya setakat diperuntukkan untuk golongan musyrik, akan tetapi juga untuk golongan Ahli Kitab. Apabila diteliti lebih mendalam, ternyata berlakunya larangan ini lebih didasari pada masa pertembungan Nabi Muhammad SAW dengan komuniti musyrik di Mekah yang selalu memberikan perlawanan, permusuhan dan penganiayaan terhadap umat Islam sehingga memaksanya untuk hijrah ke Madinah. Perbuatan kaum musyrik tersebut, khususnya suku Quraish yang merupakan suku terbesar dan terkuat di Mekah saat itu, disebabkan ketakutan mereka terhadap ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dapat merosak keyakinan dan akidah yang telah diyakini suku Quraish secara turun temurun. Sebab ajaran teologi monoteis yang dibawa Nabi Muhammad SAW sangat bertentangan dengan ajaran teologi politeisme (Hubal, Latta, 'Uzza, Naila, dan lain-lain) suku Quraish. Oleh itu, para pemuka suku Quraish dengan sedaya upaya menghalang berkembangnya ajaran yang dibawa Nabi Muhammad SAW tersebut. Usaha perlawanan mereka adalah dengan melakukan permusuhan dan tekanan mental secara berterusan terhadap umat Islam sehingga dapat mengusir Nabi Muhammad SAW dan umat Islam daripada Mekah.⁴ Perlawanan suku Quraish ini adalah demi untuk melindungi dan menjaga keyakinan (baca: teologi politeisme) yang telah diyakini mereka sejak nenek

⁴ Pelbagai usaha dilakukan oleh Musyrik Quraish terhadap umat Islam agar mahu melepaskan keimanannya. Mereka pun tidak segan-segan menyeksa secara fizik jika umat Islam tidak mahu melepaskan keimanannya, sebagaimana penyeksaan mereka terhadap Bilal, salah seorang pengikut Nabi Muhammad yang teguh mempertahankan keimanannya. Mereka juga menyebarkan fitnah kepada orang-orang yang berziarah ke Mekah agar tidak mempercayai kata-kata Nabi Muhammad SAW. Selain itu, pihak musyrik Quraish juga melakukan tekanan moral dan ekonomi terhadap *clan* Hashim dan *clan* Abdul Muthalib yang memberikan perlindungan terhadap Nabi Muhammad SAW, meskipun kedua-dua *clan* tersebut termasuk bahagian daripada suku Quraish. Pihak suku Quraish melarang ahlinya untuk melakukan urusan niaga dengan kedua-dua *clan* tersebut, dan juga melarang berkahwin dengan ahli *clan* Hashim dan *clan* Abdul Muthalib. Namun akhirnya embargo Musyrik Quraish terhadap *clan* Hashim dan *clan* Abdul Muthalib dapat berakhir kerana adanya pemberontakan dari dalam suku Quraish sendiri yang dipelopori oleh Hisyam bin Amr dan Zuhair bin Abi Umayyah. Namun kekerasan dan penyeksaan terhadap umat Islam masih tetap berterusan. Lihat Muhammad Husain Haekal (1991), *Sejarah Hidup Muhammad*, Ali Audah (terj.). Jakarta: Tintamas, hlm. 99, 127, dan 142-147. Bandingkan dengan Maxime Rodinson (1996), *Muhammad*. London: Penguin Books, hlm. 111.

moyangnya secara turun temurun, serta menyelamatkan perniagaan mereka. Sebab, jika Nabi Muhammad SAW masih berada di Mekah, suku Quraish dianggap menerima ajaran monoteis yang dibawa Nabi Muhammad SAW oleh rakan kerja mereka daripada suku lain yang masih memegang keyakinan politeisme. Sehingga lambat laun rakan kerja mereka tidak mahu lagi melakukan perniagaan dengan suku Quraish dan menyebabkan menurunnya perekonomian suku Quraish.⁵

Sikap kejam dan kekerasan yang berterusan suku Quraish terhadap Nabi Muhammad SAW dan umat Islam selama tiga belas tahun dakwah beliau di Mekah ini menyebabkan Nabi SAW memikirkan penyelesaian terbaik untuk menyelesaikan pelbagai persoalan yang dialami umat Islam pada masa itu. Akhirnya Nabi SAW berinisiatif untuk hijrah ke Yasrib, atau sekarang disebut Madinah demi mengelakkan penderitaan umat Islam yang berterusan akibat kekejaman dan kekerasan suku Quraish. Inisiatif ini didasarkan pada wujudnya Ikrar Aqabah I antara 12 orang Yasrib dengan Nabi SAW pada saat perjumpaan mereka di Mekah, semakin bertambahnya orang yang memeluk agama Islam di bandar Yasrib saat diutusny pendakwah bernama Mus'āb ibn 'Umar ke bandar tersebut, serta wujudnya Ikrar Aqabah II yang memberikan jaminan perlindungan, keselamatan, dan pembelaan pemimpin Yasrib terhadap Nabi Muhammad SAW.⁶

Rencana Nabi Muhammad SAW untuk hijrah ke Yasrib ini kemudian diketahui oleh pihak Quraish. Sehingga mereka pun melakukan pelbagai cara untuk menghalangi rencana Nabi SAW tersebut, mulai dari intimidasi dan kekerasan terhadap umat Islam sampai rencana membunuh Nabi SAW. Mereka berasa khuatir hijrahnya

⁵ Salah satu ajaran Nabi Muhammad SAW yang ditakutkan oleh pihak suku Quraish selain ajaran monoteisme adalah ajaran yang menekankan keadilan sosial, larangan amalan riba, dan membayar zakat. Kerana ajaran ini diyakini oleh mereka dapat menjejaskan kehidupan sosio politik dan ekonominya. Lihat Fazlur Rahman (1997), *Islam*. Bandung: Pustaka, hlm. 7. Dan Maulana Wahibuddin Khan (1998), *Muhammad: A Prophet For All Humanity*. New Delhi: Goodwords, hlm. 144.

⁶ Pada Ikrar Aqabah I, 12 orang Yasrib berjanji untuk tidak menyekutukan Alla, tidak mencuri, tidak berzina, dan sebagainya. Sedangkan pada Ikrar Aqabah II, pemimpin Yasrib berjanji akan memberikan keselamatan dan pembelaan terhadap Nabi Muhammad SAW jika hijrah ke Bandar tersebut. Lihat Suhadi (2006), *Kawin Lintas Agama: Perspektif Kritik Nalar Islam*. Yogyakarta: LKiS, hlm. 115-116; dan Muhammad Husain Haekal (1991), *Op.Cit.*, , hlm. 168-171.

Nabi SAW dan umat Islam dapat menambah kuantiti umat Islam, dan nantinya akan membalas dendam terhadap suku Quraish. Namun, meski mendapat rintangan dan cabaran daripada suku Quraish, Nabi SAW dan sebahagian umat Islam berjaya hijrah secara sembunyi-sembunyi ke Madinah. Setelah Nabi SAW tiba di Madinah, ternyata masih ada sebahagian umat Islam yang terjebak di Mekah. Sehingga Nabi SAW mengutus Abu Marsad al-Ghanawi untuk membantu keluar umat Islam yang masih berada di Mekah. Dan saat menjalankan tugasnya di Mekah tersebut, Abu Marsad berjumpa dengan kekasihnya yang bernama Inaq, wanita musyrikah. Inaq yang merupakan kekasih Abu Marsad sebelum dia masuk Islam mengajaknya untuk berkahwin. Akan tetapi Abu Marsad menolaknya sehingga ia meminta izin terlebih dahulu kepada Nabi Muhammad SAW. Akhirnya turunlah surah al-Baqarah (2) ayat 221 yang melarang perkahwinan tersebut. Bagaimanapun juga, larangan perkahwinan ini adalah wajar sebab keadaan sosial politik pada masa itu yang sangat membimbangkan. Dan berasaskan pada keadaan umat Islam yang selalu mendapatkan penderitaan daripada musyrik Quraish tersebut mengakibatkan umat Islam dituntut harus selalu waspada, termasuk tidak mengahwini orang-orang yang memusuhi Nabi SAW daripada kaum musyrik (baca: *kāfir harbiy*), di mana ianya sewaktu-waktu boleh membahayakan Nabi SAW dan umat Islam.⁷

Setelah Nabi Muhammad SAW dan umat Islam berjaya hijrah ke Madinah, dakwah Islam pun mendapat sambutan yang baik daripada penduduk Madinah. Sehingga umat Islam semakin hari semakin bertambah kuantitinya. Dan pada saat Nabi SAW dan umat Islam memperoleh kejayaan di Madinah, dan tidak mendapatkan penderitaan daripada orang-orang kafir sebagaimana dialami di Mekah, kemudian Nabi SAW mengirimkan utusan kepada penguasa Kopti di Mesir untuk ditawarkan masuk Islam. Namun, penguasa Mesir tersebut menolak tawaran masuk Islam tersebut. Dan

⁷ Karen Armstrong (2002), *Muhammad Sang Nabi: Sebuah Biografi Kritis*. Surabaya: Risalah Gusti, hlm. 204. Lihat juga Dewi Sukarti (2003), *Perkawinan Antaragama Menurut al-Quran dan Sunnah*. Jakarta: PBB UIN& KAS, hlm. 38-40.

untuk tidak menafikan tabiknya kepada Nabi SAW serta menghilangkan kesan tidak sopan atas penolakannya, penguasa Mesir tersebut memberikan hadiah berupa wanita non-Muslimah. Kemudian wanita non-Muslimah yang bernama Maria al-Qibṭiyyah dikahwini oleh Nabi SAW.

Daripada analisis dua keadaan realiti di atas dapat difahamkan bahawa ketika umat Islam berada dalam keadaan yang memerlukan kewaspadaan kerana wujudnya permusuhan atau peperangan daripada orang-orang kafir sebagaimana berlaku di Mekah, maka perkahwinan dengan orang non-Muslim termasuk Ahli Kitab adalah dilarang. Akan tetapi, jika umat Islam dalam keadaan tidak lagi dimusuhi secara sosial dan politik kerana kuatnya pemerintahan yang telah dibina sebagaimana terlihat pada masa Nabi SAW membentuk negara Madinah, maka mengahwini Ahli Kitab adalah dibolehkan. Kerana pada keadaan ini umat Islam tidak lagi khuatir akan wujudnya permusuhan yang mungkin dilakukan oleh Ahli Kitab, sehingga dapat membahayakan umat Islam. Namun demikian, untuk kepentingan *siyāsah shar’iyyah*, perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab dapat sahaja dilarang sebagaimana dilakukan oleh sahabat ‘Umar bin Khaṭṭāb ketika menjadi khalifah.

Pada saat ‘Umar bin Khaṭṭāb menjadi khalifah dan melihat perilaku para sahabat yang mengamalkan perkahwinan dengan wanita Ahli Kitab, maka kemudian beliau memerintahkan para sahabat untuk menceraikan isterinya yang Ahli Kitab. Akan tetapi perintah khalifah ‘Umar bin Khaṭṭāb ini tidak sepenuhnya dipatuhi dan dilaksanakan oleh para sahabat, khususnya sahabat Hudhaifah yang tetap mempertahankan perkahwinannya dengan wanita Ahli Kitab meski ada perintah daripada sang khalifah. Namun pada akhirnya, sahabat Hudhaifah menceraikan juga isterinya. Alasan khalifah ‘Umar bin Khaṭṭāb mengeluarkan perintah tersebut adalah untuk menghindari fitnah daripada wujudnya perkahwinan tersebut, iaitu dikhuatirkan lelaki Muslim lebih memilih wanita Ahli Kitab daripada wanita Muslimah. Alasan

larangan khalifah Umar bin Khattab ini jelas bersifat *ijtihādī*, suatu ijtihad seorang khalifah untuk melindungi umat Islam, khususnya wanita Muslimah agar lebih diutamakan oleh lelaki Muslim berbanding wanita Ahli Kitab.

Di Indonesia pula, amalan perkahwinan berbeza agama sudah lama diamalkan oleh sebahagian masyarakat Indonesia. Namun sejak bila amalan itu diamalkan oleh sebahagian masyarakat Indonesia, tidak ada rekod negara yang merakamkannya.⁸ Perkahwinan berbeza agama yang diamalkan oleh sebahagian masyarakat di Indonesia bukan kerana undang-undang di Indonesia membolehkan perkahwinan seperti itu dilaksanakan, akan tetapi perkahwinan itu dapat dilaksanakan kerana mereka berkahwin dengan mencari kelemahan aturan perundangan yang sedia ada. Sebab pada hakikatnya di Indonesia belum ada aturan di dalam undang-undang yang memperuntukkan mengenai perkahwinan berbeza agama kecuali Kompilasi Hukum Islam yang merupakan instruksi presiden dan hanya setakat sebagai pedoman sahaja (bukan sebagai rujukan dalam memutuskan perkara hukum), serta keputusan Majelis Ulama Indonesia (MUI).

Tidak diperuntukkannya perkara perkahwinan berbeza agama oleh Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan adalah perkara yang membimbangkan. Kerana perkara ini sentiasa berlaku di masyarakat seiring perkembangan zaman yang sangat memungkinkan berlakunya pertembungan orang Muslim dan non Muslim di ruang publik. Permasalahan perkahwinan berbeza agama ini sebenarnya pernah tertuang dalam Rancangan Undang-undang Perkahwinan. Tetapi, kerana semua permasalahan kontroversial (berlaku percanggahan) yang terdapat dalam Rancangan Undang-undang Perkahwinan banyak ditentang oleh umat Islam, maka akhirnya dilakukan perubahan dan penyesuaian bahkan penghapusan termasuk di antaranya perkahwinan berbeza agama.

⁸ Moch. Saidun, Kepala Bidang Hukum dan Hubungan Masyarakat Kantor Wilayah Departemen Agama Jawa Tengah, Temu bual pada 3 Mac 2009. Dan Fachrurrozi, Hakim dan Juru Bicara Pengadilan Tinggi Agama Jawa Tengah, Temu bual pada 5 Mac 2009.

Bagi umat Islam ketika itu, Rancangan Undang-undang Perkahwinan yang disusun oleh pemerintah Orde Baru itu disemangati oleh upaya sekularisasi yang ingin memisahkan perkahwinan daripada urusan agama dan memahaminya sebagai hubungan perseorangan sahaja, maka umat Islam dengan sedaya upaya menentang dan menolak Rancangan Undang-undang Perkahwinan tersebut. Sehingga akhirnya memaksa pemerintah membuat kompromi yang hasilnya adalah sebagaimana terlihat dalam Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan sekarang.⁹

Penolakan keras Umat Islam terhadap Rancangan Undang-undang Perkahwinan selain kerana politik hukum sebagaimana tersebut di atas, juga kerana pada masa itu umat Islam sedang mengalami kekalahan politik dalam Pilihan Raya pada tahun 1971 sebagai akibat daripada langkah pemerintah Orde Baru yang selalu berusaha mengetepikan kewujudan parti politik Islam. Dan bersamaan dengan itu pula muncul isu kristianisasi dan deislamisasi dengan banyaknya kontroversi yang sangat merugikan umat Islam dalam setiap kebijakan negara. Keadaan ini membuat umat Islam berasa curiga dan menuduh bahawa upaya pemerintah untuk meluluskan Rancangan Undang-undang Perkahwinan yang salah satu seksyenya mengesahkan perkahwinan berbeza agama merupakan bahagian daripada usaha kristianisasi dan deislamisasi.¹⁰

Andree Feillard dalam penelitiannya menemukan bahawa ketegangan Islam-Kristian di Indonesia sudah pun bermula sejak pertengahan tahun 1960-an atau pasca kegagalan revolusi Partai Komunis Indonesia (PKI). Sejak saat itulah awal mula munculnya persaingan antara Islam dan Kristian untuk “merebut” masyarakat Indonesia menjadi penganut agamanya. Dan pada realitinya, upaya penyebar agama Kristian lebih berjaya mendapatkan pengikut yang lebih besar berbanding agama Islam, khususnya

⁹ Di dalam UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan tidak menyebutkan mengenai perkahwinan berbeza agama, melainkan perkahwinan campuran, iaitu perkahwinan kerana berbeza kewarganegaraan. Hanya sahaja di dalam UU Perkahwinan ini menjelaskan bahawa sahnya perkahwinan ditentukan oleh hukum masing-masing agama dan kepercayaannya sebagaimana diperuntukkan oleh seksyen 2 (1) undang-undang ini.

¹⁰ Abdul Aziz Thaba (1996), *Islam dan Negara Dalam Politik Orde Baru*. Jakarta: Gema Insani Press, hlm. 257.

pengikut yang berasal daripada orang-orang komunis (baca: bekas pengikut PKI) dan yang ada hubung kait dengannya, serta masyarakat “abangan” yang terdapat di Jawa Timur dan Jawa Tengah.¹¹ Bertambahnya jumlah pemeluk agama Kristian menimbulkan kebimbangan di kalangan Islam politik dan boleh menyebabkan hubungan antar agama yang tidak harmoni sehingga mengganggu stabiliti negara. Kenyataan ini terbukti daripada usaha penyebar agama Kristian yang sentiasa berterusan, dan tidak segan-segan juga mengajak orang Islam untuk memeluk agama Kristian dengan menggunakan pelbagai cara, seperti menziarahi rumah-rumah orang Islam, membangun gereja di kawasan-kawasan Muslim, memberikan bantuan ekonomi kepada orang-orang Islam yang lemah perekonomiannya, dan juga menggunakan jalur perkahwinan untuk menjalankan misi Kristiannya.¹² Kekhuatiran Islam itu pun berlaku saat ianya mengalami kekalahan dalam Pilihan Raya tahun 1971.

Daripada data statistik yang dihimpun oleh Biro Pusat Statistik Indonesia pada tahun 1971 hingga 1980 didapati umat Islam dalam peratusannya mengalami penurunan sebesar 0.4%, sedangkan umat Kristian Katolik dan Kristian Protestan mengalami peningkatan, masing-masing 1.4%.¹³ Melihat perkara sedemikian, para elit Islam politik dan ulama mencuba menghalang arus penyebaran agama Kristian yang semakin kuat. Para elit Islam politik berusaha menghalangnya melalui perundangan, di mana aturan-aturan yang dapat menjejaskan umat Islam harus dihapuskan seperti halnya mengenai aturan perkahwinan berbeza agama yang mungkin dapat membolehkan orang Islam berpindah agama. Hal ini pun dilakukan saat dalam Rancangan Undang-undang

¹¹ Andree Feillard mencatatkan bahawa jumlah orang yang pindah agama menjadi Kristian pada tahun 1960-1970 meningkat lebih daripada 10%, khususnya di Jawa Tengah. Lebih jelasnya baca Andree Feillard (2000), “Kaum Kristen dan Muslim di Indonesia dalam Kilas Sejarah Penjelasan Tentang Terjadinya Kekerasan Baru Antaragama” (Kertas Kerja seminar di Universiti Sanata Dharma Yogyakarta, 5 Oktober 2000), hlm. 25-27. Bandingkan dengan Suhadi (2006), *Op.Cit.*, hlm. 133-136

¹² Sudarto (1999), *Konflik Islam-Kristen: Mengungkap Akar Masalah Antar Umat Beragama di Indonesia*. Semarang: Pustaka Rizki Putra, hlm. 96.

¹³ Biro Pusat Statistik, *Statistik Year Book Indonesia*, tahun 1976, 1982, 1984, dan 1986. Jakarta: Biro Pusat Statistik.

Perkahwinan terdapat aturan mengenai perkahwinan berbeza agama.¹⁴ Di mana akhirnya aturan mengenai perkahwinan berbeza agama berjaya dihapuskan dan disahkanlah Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan sebagaimana sekarang.¹⁵ Dan usaha para elit Islam politik tidak terhenti sampai di sini sahaja, kerana usaha tersebut diteruskan dengan membahaskan peraturan perundangan tentang sebuah lembaga yang akan memeriksa dan memutuskan setiap perkara yang berhubung kait dengan orang Islam, terutama perkara-perkara yang telah diperuntukkan oleh UU Perkahwinan. Sehingga akhirnya pada 29 Disember 1989 disahkanlah UU No. 7 Tahun 1989 tentang Peradilan Agama.

Di sisi yang lain, untuk lebih mengukuhkan perlawanan umat Islam terhadap usaha penyebaran agama Kristian yang dapat menjejaskan agama dan umat Islam, maka Majelis Ulama Indonesia (MUI) pada tahun 1980 mengeluarkan sesebuah fatwa yang mengharamkan perkahwinan berbeza agama, sama ada lelaki Muslim dengan wanita non Muslim mahupun wanita Muslimah dengan lelaki non Muslim, meskipun al-Quran dan jumhur ulama membolehkan perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab. Fatwa MUI tersebut lebih didasarkan pada realiti sosial masyarakat Islam Indonesia yang sangat membimbangkan pada ketika itu dan seterusnya. Kenyataan itu di antaranya jika berlaku perkahwinan berbeza agama justeru dakwah yang diharapkan pada perkahwinan seperti itu tidak dapat terjadi, malah sebaliknya banyak orang Islam yang berpindah agama kerana perkahwinan seperti itu. Oleh kerana orang Islam tidak dapat menjalankan tugasnya untuk memelihara agama dan keturunannya sesuai tuntunan agama Islam, maka MUI berpendapat bahawa perkahwinan berbeza agama

¹⁴ Pada awalnya di dalam Rancangan UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan pada seksyen 11 (2) menyebutkan bahawa perbezaan kebangsaan, suku bangsa, negara asal, tempat asal, agama/kepercayaan dan keturunan tidak merupakan penghalang perkahwinan. Sesebuah aturan yang sama dengan aturan yang ada dalam GHR. Lihat Abdurrahman dan Syahrani Ridwan (1978), *Masalah-masalah Hukum Perkawinan di Indonesia*. Bandung: Alumni, hlm. 26.

¹⁵ Disahkannya UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan mengandungi erti bahawa undang-undang ini merupakan undang-undang yang diguna pakai Negara Indonesia dalam memperuntukkan perkahwinan seluruh masyarakat Indonesia, sama ada yang beragama Islam mahupun yang tidak beragama Islam. Fachrurrozi, Hakim dan Juru Bicara Pengadilan Tinggi Agama Jawa Tengah, Temu bual pada 5 Mac 2009.

lebih banyak *mafsadat*nya daripada maslahatnya sehingga perkahwinan seperti itu harus dilarang. Kerana selain *mafsadat* perseorangan dalam wilayah keluarga sebagai bahagian terkecil sebuah masyarakat, juga terdapat *mafsadat* yang lebih besar yang dapat ditimbulkan daripada perkahwinan berbeza agama dalam berbangsa dan bernegara.

Meski demikian, fatwa MUI tersebut ternyata tidak memberi pengaruh yang bererti terhadap sebahagian umat Islam Indonesia dalam melaksanakan perkahwinan berbeza agama. Hal ini terbukti daripada catatan Kantor Catatan Sipil DKI Jakarta pada bulan April 1985 hingga Julai 1986 yang menunjukkan bahawa terdapat 239 kes perkahwinan berbeza agama pada masa tersebut, di mana salah satu pasangannya adalah orang Islam. Daripada 239 kes tersebut, 112 kes adalah lelaki Muslim berkahwin dengan wanita non Muslim, dan 127 kes lainnya adalah wanita Muslimah dengan lelaki non Muslim.¹⁶ Melihat kenyataan seperti itu, para elit Islam politik dan ulama akhirnya berusaha lagi mewujudkan sebuah aturan perundangan yang titik tolaknya bermula daripada fatwa MUI tersebut. Sehingga akhirnya lahirlah Instruksi Presiden No. 1 Tahun 1991 tentang Kompilasi Hukum Islam yang mengandungi aturan mengenai larangan perkahwinan berbeza agama sebagaimana yang telah dirumuskan dan difatwakan oleh MUI pada saat Rapat Kerja Nasional (RAKERNAS) II MUI tahun 1980. Namun seperti halnya fatwa MUI, aturan di dalam Kompilasi Hukum Islam mengenai perkahwinan berbeza agama ini juga tidak dapat menghapuskan dan menghentikan laju perkahwinan berbeza agama di kalangan umat Islam. Kerana bagaimanapun juga amalan perkahwinan berbeza agama masih sahaja berlaku hingga kini.¹⁷ Perkara ini berlaku disebabkan Undang-undang Perkahwinan memberikan

¹⁶ Ahmad Sukardja (1996), "Perkahwinan Berbeda Agama Menurut Hukum Islam", dalam Chuzaimah dan Hafiz Anshary (ed.), *Problematika Hukum Islam Kontemporer*. Jakarta: LSIK, hlm. 19-20.

¹⁷ Menurut Moch. Saidun, masih wujudnya amalan perkahwinan berbeza agama di kalangan umat Islam Indonesia sehingga hari ini, meskipun undang-undang dan Organisasi Massa Islam melalui keputusan fatwanya menghalangi amalan itu adalah kerana 4 hal, iaitu kecenderungan beragama masyarakat yang cenderung permisif (sikap membolehkan segala sesuatu), sehingga tidak merasa jika pernikahan beza

peluang pentafsiran terhadap aturan yang telah sedia ada, sehingga perkahwinan berbeza agama dapat dilakukan dengan ketiadaan aturan yang jelas dan pentafsiran hukum daripada Undang-undang Perkahwinan.

Selain keadaan di atas, pola hubungan antar umat beragama di Indonesia juga masih bersifat formal simbolik dan belum substantif sehingga di dalamnya masih tersimpan potensi konflik yang sewaktu-waktu boleh menjadi sesebuah kekuatan destruktif dan disintegratif. Keadaan sosiologi yang sedemikian ini disebabkan pemerintah masa Orde Baru kurang memahami pentingnya sosialisasi dan mempelajari ajaran agama yang berdimensi sosial terutama tentang bagaimana hubungan antar umat beragama dalam perspektif ajaran agama masing-masing untuk lebih dapat difahami dan dihayati dalam kehidupan bersama. Dalam konteks ini, pendekatan yang seharusnya dipergunakan oleh pemerintah adalah pendekatan pendidikan keagamaan *inklusif* bukan pendekatan *demonstratif formalistik*. Tetapi sangat disayangkan pemerintah lebih tertarik kepada model pendekatan yang terakhir dengan banyak melakukan kegiatan aksi bersama yang tidak dilandasi pemahaman dan penghayatan yang substantif.

Di samping itu, pemerintah Orde Baru juga menempatkan agama sebagai sesebuah kekuatan *destruktif* dan *disintegratif* yang harus selalu dicurigai. Pendekatan konflik yang berlebihan dalam memandang agama mengakibatkan agama selalu ditempatkan dalam posisi saling berhadapan sehingga sulit dipertemukan dan sentiasa dipandang sebagai sesebuah ancaman perpecahan sosial. Oleh kerana keadaan sosiologi yang terbentuk kerana pendekatan yang digunakan oleh pemerintah Orde Baru tersebut, maka hubungan sosial di antara masyarakat yang berbeza agama cenderung bersifat formal simbolik yang mengandungi potensi konflik. Sehingga bagaimanapun juga

agama sebagai sesuatu yang harus dihindari. Kedua, aturan perundangan tentang perkahwinan belum tegas memberi denda bagi yang melakukan perkahwinan beza agama. Ketiga, adanya pengaruh liberalisme yang menjangkiti masyarakat, sehingga mereka sengaja melakukan perkahwinan beza agama dengan mengatas namakan cinta, hak asasi manusia dan kebebasan. Dari sini kemudian agama dianggap sebagai masalah peribadi. Keempat, pendidikan dan dakwah Islam masih kurang berkesan terhadap sebahagian masyarakat. Moch. Saidun, Kepala Bidang Hukum dan Hubungan Masyarakat Kantor Wilayah Departemen Agama Jawa Tengah, Temu bual pada 3 Mac 2009.

perkahwinan berbeza agama sangat tidak mungkin untuk dilaksanakan secara efektif demi keutuhan bangsa dan negara.

Daripada analisis faktor-faktor wujudnya larangan perkahwinan berbeza agama di atas, sama ada pada masa Rasulullah SAW mahupun realiti masyarakat Indonesia, dapat difahamkan bahawa proses menggubal enakmen tentang sesebuah perkara perkahwinan berbeza agama sangat dipengaruhi oleh keadaan sosial dan politik. Pada masa Rasulullah SAW misalnya, larangan perkahwinan berbeza agama wujud pada saat umat Islam berada dalam keadaan yang sangat membimbangkan akibat daripada tekanan politik dan penderaan kafir Quraish terhadap umat Islam sehingga umat Islam dituntut untuk selalu waspada terhadap mereka dalam bentuk apa pun. Namun selepas keadaan itu berubah, perkahwinan berbeza agama pun dibolehkan dengan batasan sebagaimana yang ditunjukkan oleh al-Quran.

Sedangkan di Indonesia, wujudnya larangan perkahwinan berbeza agama melalui fatwa lembaga keagamaan dan Kompilasi Hukum Islam merupakan langkah pencegahan dalam mengurangi perpindahan agama, menghentikan arus Kristianisasi, dan melemahkan pengaruh Kristian dalam kekuasaan. Sedangkan UU Perkahwinan mengambil jalan tengah dengan tidak memasukkan aturan mengenai perkahwinan berbeza agama dalam undang-undang tersebut, hanya menjelaskan bahawa sahnya perkahwinan ditentukan oleh agama dan kepercayaan masing-masing. Sebab bagaimanapun juga UU Perkahwinan merupakan hasil kompromi antara umat Islam dengan pemerintah Orde Baru yang menginginkan memisahkan agama dan negara serta memandang perkahwinan dari sisi perdata sahaja.

Oleh kerana pada masa kini, keadaan di Indonesia sudah pun berganti dari Orde Baru yang diktator dan sangat tertutup dengan Era Reformasi yang bebas, demokratis dan terbuka diperlukan aturan perundangan yang jelas mengenai perkahwinan berbeza agama sehingga dapat membawa sesebuah tata kehidupan

berbangsa dan bernegara yang harmoni dan saling menghargai antar pelbagai elemen masyarakat Indonesia yang jamak termasuk antar umat beragama.¹⁸ Untuk itu perlu diadakan pindaan atas UU No. 1 Tahun 1974 tentang Perkawinan, sehingga ada payung hukum yang jelas bagi sesiapa sahaja yang mahu melaksanakan perkahwinan berbeza agama dan tidak lagi berlaku penyeludupan hukum sebagaimana yang berlaku pada masa kini.

4.2 Pelaksanaan Perkahwinan Berbeza Agama Di Indonesia

Sebagaimana telah dijelaskan pada bab sebelumnya, Undang-undang Perkawinan tidak memperuntukkan secara tegas tentang perkahwinan berbeza agama. Syarat perkahwinan yang dinyatakan dalam seksyen 6 dan seksyen 7 daripada undang-undang ini tidak terdapat syarat persamaan agama di antara kedua-dua orang yang mahu berkahwin. Yang disyaratkan hanyalah adanya persetujuan daripada kedua-dua calon mempelai, adanya izin daripada kedua-dua orang tua bagi seorang yang belum mencapai umur 21 tahun, dan kedua-dua calon mempelai harus mencapai usia minimum 19 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi wanita. Demikian juga dalam perkara pelarangan dan pencegahan perkahwinan, Undang-undang Perkawinan tidak menyebut perbezaan agama sebagai faktor penghalang perkahwinan.¹⁹

Dalam Undang-undang Perkawinan terutama seksyen 2 (1) hanya menjelaskan bahawa perkahwinan adalah sah apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu. Ketentuan ini terkadang juga diertikan bahawa jika hukum agama membolehkan atau memberikan kemudahan terhadap perkahwinan berbeza agama, maka perkahwinan sedemikian boleh dilaksanakan. Kerana meskipun pada asasnya semua agama yang diiktiraf oleh negara Indonesia melarang perkahwinan tersebut, akan tetapi dalam keadaan tertentu hukum

¹⁸ Ketegasan dan kejelasan yang dimaksudkan adalah tegas dan jelas dalam mengatur perkahwinan berbeza agama, sama ada dilarang secara mutlak atau dibolehkan.

¹⁹ Lihat Bab II muka surat 45-46 tentang larangan perkahwinan.

beberapa agama ada yang membolehkan perkahwinan sedemikian, seperti agama Islam, Kristian Katolik dan Kristian Protestan. Oleh itu, dengan merujuk ketentuan tersebut, jika keadaan sebagaimana di atas berlaku maka perbezaan agama tidak menjadi halangan perkahwinan. Sebab hukum agama membolehkan, dan ianya merupakan ketentuan asas mengenai sah tidaknya sesebuah perkahwinan di Indonesia.

Selanjutnya yang menjadi permasalahan dalam konteks ini adalah ketika terjadi perbezaan pandangan hukum tentang perkahwinan itu daripada masing-masing agama kedua-dua calon mempelai itu, seperti Islam dan Kristian Katolik. Sebagai contoh, pihak Islam merujuk ketentuan Kompilasi Hukum Islam terutama seksyen 40 dan 44 yang menjelaskan bahawa perkahwinan berbeza agama adalah dilarang.²⁰ Sedangkan pihak Kristian Katolik merujuk ketentuan gereja yang boleh memberikan kemudahan perkahwinan jika calon mempelainya yang tidak beragama Kristian Katolik mahu mengikuti ketentuan gereja. Maka perkahwinan seperti ini tidak mungkin berlaku kecuali pihak Islam merujuk pandangan ulama yang membolehkan perkahwinan berbeza agama.²¹

Merujuk perkara di atas, agar perkahwinan berbeza agama dapat dilaksanakan dan diiktiraf keabsahannya oleh negara maka biasanya melakukan beberapa prosedur, seperti merayu Kantor Catatan Sipil agar mencatat perkahwinan tersebut, oleh kerana hanya Kantor Catatan Sipil-lah yang mahu melaksanakannya. Dan pencatatan itu biasanya dianggap sebagai syarat formal bagi sahnyanya suatu perkahwinan menurut negara.²² Sedangkan keabsahannya menurut agama tergantung kepada ketentuan hukum

²⁰ Lihat penjelasannya pada Bab II muka surat 46-47 tentang larangan perkahwinan.

²¹ Penjelasan lebih luas dapat dilihat pada Bab III sub 3 tentang perkahwinan berbeza agama menurut hukum perkahwinan Islam.

²² Jika perkahwinan seseorang sudah dianggap sah oleh negara, maka itu berarti akibat hukum dari perkahwinannya juga diiktiraf oleh negara, seperti anak yang lahir dari perkahwinannya juga dianggap sah di sisi negara (seksyen 42). Di Indonesia, berdasarkan UU No. 1/1974, anak yang belum mencecah umur 18 tahun atau belum pernah berkahwin berada di bawah jagaan kedua-dua orang tua atau wali (seksyen 50 (1)), dan orang tua atau wali wajib menjaga anak yang di bawah jagaannya dan mengurus harta bendanya sebaik-baiknya dengan menghormati agama dan kepercayaan anak itu (seksyen 50 (3)). Perkara ini berbeza dengan keadaan di Malaysia, di mana agama seorang anak yang belum mencecah umur 18 tahun ditentukan oleh orang tua atau penjaganya. Sebagaimana diperuntukkan oleh seksyen 68

masing-masing agamanya itu serta keinginan kedua-dua calon mempelai. Oleh sebab itu tidak jarang mereka melakukan upacara perkahwinan dua kali, iaitu perkahwinan menurut hukum, dan tradisi masing-masing agamanya.

Selain prosedur di atas juga terdapat prosedur lain, iaitu melalui keputusan mahkamah dalam hal terjadi penolakan oleh pegawai pencatat perkahwinan. Sebagaimana dijelaskan dalam seksyen 21 (1) hingga (4) Undang-undang Perkahwinan, bahawa jika pegawai pencatat perkahwinan berpendapat bahawa terhadap perkahwinan tersebut ada larangan menurut Undang-undang ini maka ia akan menolak melangsungkan perkahwinan. Di dalam hal penolakan, maka permintaan salah satu pihak yang ingin melangsungkan perkahwinan oleh pegawai pencatat perkahwinan akan diberikan suatu keterangan tertulis dari penolakan tersebut disertai dengan alasan penolakannya. Para pihak yang perkahwinannya ditolak berhak mengajukan permohonan kepada mahkamah dalam wilayah mana pegawai pencatat perkahwinan yang mengadakan penolakan berkedudukan untuk memberikan keputusan dengan menyerahkan surat keterangan penolakan tersebut di atas. Selanjutnya mahkamah akan memeriksa perkaranya dengan acara singkat dan akan memberikan ketetapan, apakah ia akan menguatkan penolakan tersebut ataukah memerintahkan agar supaya perkahwinan dilangsungkan.

Prosedur perkara ini pernah dilakukan oleh seorang wanita Muslimah (sebut sahaja namanya X) yang mahu berkahwin seorang lelaki Kristian Protestan (sebut sahaja namanya Y), di mana kedua-duanya bertempat tinggal di Jakarta.²³ Pada awalnya, mereka menghadap ke Kantor Urusan Agama (KUA) dengan maksud mahu

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Sabah 1992 dan perkara 12 (4) Perlembagaan Persekutuan. Sehingga ketika anak mahu bertukar agama, ia wajib mendapatkan izin dari orang tua atau penjaganya. Narizan Abdul Rahman (2008), "Conversion of Minor to Islam in Malaysia: Whither Consent of Parents?", *Jurnal Syariah*, jil 16, 2008, hlm. 589.

²³ Mengenai kes yang berkaitan dengan perkahwinan berbeza agama, penyelidik tidak dibolehkan mendapatkan informasi secara terperinci daripada pihak-pihak yang terkait, sama ada Pengadilan Agama, Pengadilan Negeri, Departemen Agama, Dinas Kependudukan mahupun lainnya. Jadi, data didapatkan daripada buku, internet, dan temu bual dengan beberapa pelaku perkahwinan berbeza agama yang berjaya dijumpai penyelidik.

melangsungkan perkahwinan, akan tetapi KUA menolak perkahwinan tersebut kerana perbezaan agama di antara mereka merupakan faktor larangan perkahwinan di antara mereka. Kerana ditolak oleh KUA, kemudian mereka menghadap ke Kantor Catatan Sipil dengan maksud yang sama, akan tetapi Kantor Catatan Sipil juga memberikan jawapan yang sama. Kemudian daripada kedua-dua pejabat tersebut didapati informasi bahawa jika pihak yang berkepentingan tidak terima dengan penolakan tersebut, boleh meminta penetapan atau keputusan daripada mahkamah berdasarkan seksyen 60 UU Perkahwinan.²⁴

Daripada informasi yang telah didapati, kemudian X mengajukan permohonan putusan masalah tersebut kepada Pengadilan Negeri Jakarta Pusat. Namun, Pengadilan Negeri Jakarta Pusat juga memberikan putusan yang bersifat menguatkan penolakan daripada KUA dan Kantor Catatan Sipil. Alasan Pengadilan Negeri Jakarta Pusat menolak permohonan tersebut adalah kerana UU Perkahwinan sememangnya tidak memperuntukkan perkahwinan antar agama, yang diperuntukkan adalah perkahwinan seagama dan dicatat oleh Kantor Pencatat Nikah, Talak dan Rujuk bagi yang beragama Islam, serta Kantor Catatan Sipil bagi yang beragama selain Islam. Dan Pengadilan Negeri Jakarta Pusat juga membenarkan bahawa di dalam ajaran agama terdapat halangan dalam perkahwinan sedemikian. Padahal merujuk UU Perkahwinan seksyen 2 (1) dan Peraturan Pemerintah (PP) No. 9 Tahun 1975 tentang Pelaksanaan UU Perkahwinan seksyen 8 menjelaskan bahawa perkahwinan adalah sah, apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agama dan kepercayaannya.²⁵

Meskipun mendapatkan penolakan daripada beberapa lembaga, X tetap tidak berputus asa terhadap keinginannya untuk mengahwini Y. Kemudian X membuat rayuan secara lisan kepada Mahkamah Agung untuk mendapatkan putusan masalahnya. Akhirnya setelah melalui mesyuarat, Mahkamah Agung dengan Ali Said, SH sebagai

²⁴ Suparman Usman (1995), *Perkawinan Antar Agama dan Problematika Hukum Perkawinan di Indonesia*. Serang: Saudara Serang, hlm. 37.

²⁵ *Ibid.*, hlm. 37-41.

Ketua Majelis Hakim sekali gus Ketua Mahkamah Agung saat itu mengabulkan rayuan X dan memerintahkan Pegawai Pencatat pada Kantor Catatan Sipil DKI Jakarta agar melangsungkan perkahwinan di antara mereka. Di antara alasan yang dikemukakan oleh Mahkamah Agung adalah:

1. UU Perkahwinan tidak menyebutkan bahawa perbezaan agama di antara calon suami dan calon isteri merupakan halangan perkahwinan;
2. Oleh kerana UU Perkahwinan tidak memperuntukkan mengenai perkahwinan berbeza agama, maka agar tidak berlaku kekosongan hukum harus ditentukan hukum perkahwinan sedemikian sehingga permasalahan tersebut tidak berterusan terbiar tanpa diselesaikan secara hukum, di mana jika dibiarkan tanpa penyelesaian secara hukum akhirnya dapat menimbulkan dampak negatif dalam kehidupan bermasyarakat dan beragama, seperti penyeludupan nilai-nilai sosial, agama mahupun hukum negara. Di samping itu, terdapat kenyataan masyarakat Indonesia yang jamak berlaku perkahwinan atau niat melaksanakan perkahwinan sedemikian;
3. Kerana X pernah mengajukan permohonan untuk melangsungkan perkahwinannya kepada Kantor Catatan Sipil, maka perkara itu harus ditafsirkan bahawa X berkeinginan melangsungkan perkahwinan tidak secara Islam, dan ia juga telah mengabaikan status agamanya, sehingga dalam keadaan demikian Kantor Catatan Sipil merupakan satu-satunya institusi yang mempunyai bidang kuasa untuk melangsungkan atau membantu melangsungkan perkahwinan X dan Y.²⁶

Meskipun kes perkahwinan berbeza agama sudah pun pernah diputuskan oleh Mahkamah Agung, namun putusan Jurisprudens ini tidak dapat dijadikan sebagai dasar

²⁶ *Ibid.*, hlm. 41-47.

hukum untuk kes yang sama. Kerana bagaimanapun juga, sistem peradilan di Indonesia tidak mengenal "precedent", di mana Jurisprudens dapat mengikat hakim dalam memutuskan perkara yang sama mahupun hampir sama.²⁷ Oleh kerana itu, tidak menutup kemungkinan jika hakim memberikan interpretasi perundangan yang berbeza pada kes yang sama, maka putusan yang dihasilkannya pun akan berbeza pula. Selain itu, pada kes perkahwinan berbeza agama, KUA mahupun Kantor Catatan Sipil berhak menolak perintah mahkamah jika ternyata putusan mahkamah tidak sesuai dengan ketentuan perundangan yang telah sedia ada.²⁸

Apabila prosedur-prosedur di atas masih tidak boleh dilakukan, maka tidak jarang salah satu pihak daripada kedua-dua calon mempelai yang berbeza agama itu untuk dapat melangsungkan perkahwinannya terpaksa berpindah agama mengikuti agama pihak yang lain. Kerana bagaimanapun juga apabila merujuk kepada seksyen 2 (1) Undang-undang Perkahwinan menjelaskan bahawa sahnya perkahwinan tergantung kepada ketentuan hukum masing-masing agama dan kepercayaannya. Dan ternyata daripada hasil kajian dapat diketahui bahawa hukum kebanyakan agama yang diiktiraf di Indonesia masih membuka kemungkinan berlakunya perkahwinan berbeza agama meski pada asasnya kebanyakan agama melarang perkahwinan seperti itu. Dengan demikian perbezaan agama itu bukanlah penghalang suatu perkahwinan sepanjang dibenarkan oleh hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu.

Agama Islam pada asasnya melarang perkahwinan berbeza agama di kalangan orang Islam, akan tetapi di dalam hukum perkahwinan Islam terdapat perbezaan pendapat mengenainya. Pendapat ulama fikah mengenai perkahwinan berbeza agama ini ada yang membolehkan, dan ada juga yang melarangnya. Dan sebagaimana telah dijelaskan pada bab sebelumnya, jumhur ulama membolehkan perkahwinan di antara lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab sebagaimana telah dijelaskan di dalam al-

²⁷ *Ibid.*, hlm. 49.

²⁸ *Ibid.*, hlm. 47.

Quran surah al-Maidah ayat 5. Namun, meskipun perkahwinan seperti itu dibolehkan, akan tetapi para ulama yang membolehkan juga berbeza pendapat mengenai siapa wanita Ahli Kitab yang boleh dikahwini. Sehingga ada sebahagian ulama yang memberikan batasan-batasan wanita Ahli Kitab yang boleh dikahwini oleh lelaki Muslim.²⁹ Melihat wujudnya perbezaan pendapat di kalangan ulama fikah mengenai perkahwinan berbeza agama dan realiti sosial masyarakat Indonesia, Majelis Ulama Indonesia, Kompilasi Hukum Islam, dan Organisasi Kemasyarakatan Islam di Indonesia lebih memilih pendapat yang mengharamkan atau melarang perkahwinan berbeza agama di kalangan orang Islam.

Agama Katolik pula pada asasnya juga melarang perkahwinan seorang Katolik dengan penganut agama lain sebagaimana dijelaskan dalam Kanon 1086. Akan tetapi dalam keadaan tertentu, Uskup dapat memberikan dispensasi kepada seorang Katolik yang menginginkan untuk melangsungkan perkahwinan dengan penganut agama lain dengan memenuhi syarat sebagaimana ditentukan oleh hukum gereja dalam Kanon 1125.³⁰ Syarat itu di antaranya adalah:

1. Yang beragama Katolik berjanji:
 - a. Akan tetap setia pada iman Katolik; dan
 - b. Berusaha mempermandikan dan mendidik semua anak-anak mereka secara Katolik.
2. Sedangkan yang tidak beragama Katolik berjanji:
 - a. Menerima perkahwinan secara Katolik;
 - b. Tidak akan menceraikan pihak yang beragama Katolik;
 - c. Tidak akan menghalang-halangi pihak yang Katolik melaksanakan imannya;

²⁹ Penjelasan lebih terperinci boleh dilihat pada Bab III sub 3 mengenai Perkahwinan Berbeza Agama Menurut Hukum Perkahwinan Islam.

³⁰ Farah P. Prisdari, Aktivis Pemuda Katolik Semarang yang telah beralih agama menjadi Islam, Temu bual pada 6 Januari 2009. Lihat juga Eligius Anselmus F. Fau (2000), *Persiapan Perkawinan Katolik*. Flores: Nusa Indah, hlm. 76.

- d. Bersedia mendidik anak-anaknya secara Katolik.

Sebagaimana agama Katolik, agama Kristian Protestan juga mempunyai aturan yang hampir sama. Hanya sahaja perbezaan berlaku pada syarat yang ditentukan oleh Gereja Kristian Indonesia, iaitu:

1. Yang beragama Kristian Protestan harus menandatangani perjanjian yang berisi:
 - a. Tetap melaksanakan iman Kristiannya;
 - b. Akan membaptis anak-anak yang lahir daripada perkahwinan itu secara Kristian; dan
 - c. Berjanji akan mendidik anak-anak mereka secara Kristian.
2. Sedangkan yang tidak beragama Kristian Protestan harus menandatangani surat pernyataan, bahawa ia:
 - a. Tidak keberatan perkahwinan dilaksanakan di gereja Kristian Protestan;
 - b. Tidak keberatan anak-anak mereka dididik secara Kristian Protestan.³¹

Sedangkan menurut agama Hindu dan Budha, perkahwinan berbeza agama adalah dilarang secara mutlak. Menurut ajaran kedua-dua agama ini, perkahwinan dapat disahkan berdasarkan hukum Hindu/Budha apabila kedua-dua calon mempelai itu telah menganut agama yang sama, iaitu Hindu/Budha. Dan apabila kedua-dua calon mempelai berbeza agama maka Brahmin (Pendeta) baru dapat mengesahkan perkahwinan itu, kalau pihak yang bukan Hindu/Buddha itu telah disahkan sebagai pemeluk agama Hindu/Budha dan menandatangani Sudi Vadhani (surat pernyataan masuk agama Hindu/Budha). Dari sini, dapat difahamkan bahawa agama Hindu/Budha melarang umatnya melakukan perkahwinan antar agama secara mutlak terkecuali salah satunya masuk agama Hindu/Budha terlebih dahulu.³²

³¹ *Ibid.* Lihat lebih detainya pada Suparman Usman (2003), *Op.Cit.*, hlm. 55-56.

³² Rusli & R. Tama (1986), *Perkawinan Antar Agama Dan Masalahnya*. Bandung: Pionir Jaya, hlm. 30.

Daripada penjelasan di atas dapat difahamkan bahawa agama Islam, Katolik, dan Kristian Protestan masih memberikan peluang kepada pemeluknya untuk melakukan perkahwinan berbeza agama. Sehingga jika ada yang mahu melaksanakan perkahwinan berbeza agama dengan mengikuti syarat yang ada di masing-masing agama, maka ianya tidak perlu lagi untuk bertukar agama.³³ Namun, jika salah satu pihak tidak mahu mengikuti dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan agama pihak lain maka biasanya salah satu pihak akan tukar ke agama pasangannya.³⁴

Prosedur terakhir biasanya juga dilaksanakan oleh pasangan berbeza agama yang mahu berkahwin, iaitu dengan cara melaksanakan perkahwinan di luar negara. Prosedur semacam ini biasanya dilakukan oleh mereka yang berkemampuan dari segi ekonomi. Kerana mereka akan lebih mudah mendapatkan pengiktirafan perkahwinannya daripada negara Indonesia dengan mencatatkan perkahwinan tersebut di Kantor Catatan Sipil selepas menunjukkan bukti perkahwinan (baca: sijil kahwin) dari negara tempat mereka melaksanakan perkahwinan.

Daripada semua prosedur perkahwinan berbeza agama yang dilakukan oleh sebahagian masyarakat di Indonesia menunjukkan bahawa UU No. 1 Tahun 1974

³³ Keadaan seperti ini salah satunya dilakukan oleh pelaku perkahwinan berbeza agama yang dijumpai penyelidik di Yogyakarta, yang bernama Fx. Joko Purwanto (Katolik) dan Siti Haryani (Islam) berkahwin pada tahun 1983, serta Candra (Islam) dan Endang (Katolik) berkahwin pada tahun 2002. Menurut mereka, antara Islam dan Katolik hanya Katolik yang memberikan peluang paling besar untuk melaksanakan perkahwinan beza agama, sehingga mereka memilih kahwin menurut agama Katolik. Perbezaan daripada kedua-dua pasangan tersebut adalah pasangan Joko dan Siti Haryani mengikuti perjanjian dan ketentuan gereja mula daripada awal kahwin hingga selepas kahwin. Sehingga anak cucunya beragama Katolik, meskipun isterinya masih beragama Islam. Sedangkan pasangan Candra dan Endang hanya mengikuti ketentuan gereja pada masa berkahwin, dan mengingkari selepas mendapatkan sijil kahwin sehingga anaknya tidak dibaptiskan ke gereja. Temu bual pada 23 Disember 2009.

³⁴ Keadaan seperti ini dijumpai oleh penyelidik di Semarang dan Solo. Salah satunya dilakukan oleh Fatah Muria (Islam), bekas aktivis organisasi kemahasiswaan Islam dan sarjana di salah satu perguruan tinggi Islam di Jawa Tengah yang menikah dengan Farah P. Priswari (Katolik), bekas aktivis Pemuda Katolik Semarang yang telah beralih agama menjadi Islam, serta Abdullah (Muslim) dan Retno Pratitis (Katolik) berkahwin pada tahun 2006 yang juga telah beralih agama menjadi Islam. Menurut Fatah, saat Farah mahu bertukar ke agama Islam harus melalui pelbagai prosedur negara yang sangat menyusahkan. Sehingga orang yang tidak tahan melalui prosedur tersebut, boleh jadi tidak mahu menjadi Muslim. Namun, kerana komitmen di antara kedua-dua pihak, pelbagai prosedur itu pun dilalui Farah sehingga dia berjaya berkahwin dengan Fatah. Dan agama Islam yang telah dipeluk oleh Farah pun tetap dipertahankan hingga selepas perkahwinan, bukan seperti pelaku perkahwinan berbeza agama lain yang juga dijumpai penyelidik dan tidak mahu menyebutkan identitinya yang hanya berpindah agama untuk sementara waktu demi meluluskan perkahwinannya, selepas berkahwin dan mendapatkan sijil kahwin kembali lagi ke agamanya semula. Temu bual pada 6 Januari 2009.

tentang Perkahwinan masih memberikan peluang perkahwinan seperti itu dilaksanakan. Hal ini disebabkan ketidaktegasan dan ketidakjelasan ketentuan UU Perkahwinan dalam memperuntukkan perkara perkahwinan berbeza agama, meskipun semangat yang ada di dalam undang-undang tersebut adalah perkahwinan seagama. Di samping itu juga tidak ada denda yang diberikan oleh negara kepada pelaku perkahwinan berbeza agama, jika perkara itu dianggap sebagai perbuatan melanggar ketentuan hukum yang ada.

4.3 Maslahat dan Mudarat Perkahwinan Berbeza Agama

Perkahwinan merupakan cara untuk melahirkan generasi umat manusia yang mempunyai tugas kekhalfahan untuk memakmurkan bumi. Selain itu, perkahwinan juga bertujuan untuk mewujudkan rumah tangga yang rukun, penuh cinta dan kasih sayang (*sakīnah, mawaddah wa rahmah*). Kehidupan seperti ini merupakan keperluan yang telah menjadi fitrah atau naluri setiap manusia. Di samping itu, tujuan perkahwinan dalam konteks kehidupan sosial adalah agar perkahwinan tersebut dapat memperbaiki moral, membersihkan masyarakat daripada perilaku buruk, seperti terpelihara daripada zina, serta tetap kukuh dalam mempertahankan agama Islam. Namun, tujuan itu sukar dicapai jika tidak mengahwini wanita *ṣāliḥah* yang berpegang teguh pada agama dan memelihara kehormatan. Oleh itu, Islam memberikan perhatian yang besar terhadap perkahwinan, terutamanya perkahwinan berbeza agama. Sehingga isu perkahwinan berbeza agama ini sentiasa diwarnai pro dan kontra dalam melihat maslahat dan mudarat daripada berlakunya perkahwinan seperti itu.

Di antara *maslahat* yang dibangkitkan oleh ulama fikah yang membolehkan perkahwinan berbeza agama adalah bahawa dengan berlakunya perkahwinan berbeza agama boleh digunakan sebagai sarana berdakwah, agar sekiranya isteri boleh mengenal Islam lebih dekat. Kebolehan lelaki Muslim mengahwini wanita non Muslim adalah jika dalam keluarga tersebut berlaku perilaku yang sesuai dengan tuntunan ajaran Islam, di

mana suami memiliki tanggung jawab kepemimpinan terhadap isteri serta memiliki kemampuan untuk mengarahkan keluarga dan anak-anak dengan akhlak Islam. Di samping itu, suami juga memberikan teladan yang baik dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan rumah tangga, sehingga isteri dapat merasakan keindahan agama Islam daripada perilaku suami sehari-hari.³⁵ Oleh itu, lelaki Muslim yang mahu berkahwin dengan wanita non Muslim seyogianya memiliki keteguhan iman dan kesempurnaan amalan Islam sehingga dapat mempengaruhi dan membimbing isterinya menuju kehidupan islamiah, dan bukan sebaliknya.

Di samping pertimbangan maslahat yang membolehkan perkahwinan beza agama tersebut, terdapat juga pertimbangan *mafsadat* yang melarang perkahwinan seperti itu. Di antara *mafsadat* yang boleh muncul daripada kehidupan rumah tangga yang berbeza akidahnya, pertama, keadaan yang memungkinkan isteri *kitābiyah* cenderung atau terpengaruh kepada agama suami hanya boleh berlaku jika suami mempunyai keteguhan iman dan kesempurnaan amalan Islam serta berada di lingkungan masyarakat Islam. Namun, keadaan seperti itu sangat sukar untuk dijumpai sehingga sebagai langkah berhati-hati (*iḥtiyāṭ*), perkahwinan berbeza agama lebih baik dicegah atau dilarang.³⁶

Kedua, sesiapa sahaja yang mahu melaksanakan perkahwinan selalu didasari pada keinginan mewujudkan keluarga yang bahagia, penuh cinta dan kasih sayang, harmoni, dan kekal sebagaimana tujuan perkahwinan tersebut. Perkahwinan seperti itu akan terwujud jika ada kesamaan pandangan hidup antara suami isteri. Namun jika perkara itu tidak ada dalam kehidupan rumah tangga, maka sangat dimungkinkan kegagalan perkahwinan akan berlaku. Kerana, jangankan perbezaan agama, perbezaan status sosial seperti budaya dan tingkat pendidikan suami isteri boleh membawa keluarga tidak harmoni sehingga mengakibatkan gagalannya sesebuah perkahwinan.

³⁵ Mahmūd Shaltūt (1991), *Al-Fatāwā*. Kaherah: Dār al-Shurūq, hlm. 275. Dewi Sukarti (2003), *Op. Cit.*, hlm. 50.

³⁶ Dewi Sukarti (2003), *Op. Cit.*, hlm. 51.

Ketiga, dalam Islam, suami adalah pemimpin keluarga yang bertanggung jawab menyelamatkan dan menjaga keluarganya daripada api neraka. Namun, jika perkahwinan itu didasarkan atas perbezaan keyakinan dan akidah, sangat sukar perkara itu diwujudkan dalam kehidupan rumah tangga. Sehingga dikhuatirkan perkara sebaliknya, iaitu suami terpengaruh agama isterinya dan anak-anaknya juga akan terpengaruh agama ibunya kerana kedekatannya dengan ibunya dan kasih sayang yang diberikan kepada mereka.

Keempat, keluarga sebagai unit terkecil daripada masyarakat merupakan salah satu sarana menegakkan syariat Islam. Namun, perkara ini sukar untuk dilaksanakan jika dalam keluarga tersebut terdapat agama yang berbeza di antara ahli keluarga. Selain itu, wanita Ahli Kitab yang dikahwini oleh lelaki Muslim juga dapat memberikan impak negatif bagi masyarakat, seperti berlakunya fitnah kerana kecurigaan umat Islam terhadap misi setiap orang non Muslim dalam mempengaruhi masyarakat dengan ajaran agamanya, serta fitnah bagi wanita Muslimah yang merasa tidak lagi diperlukan oleh lelaki Muslim sehingga dikhuatirkan wanita Muslimah akan beralih kepada agama selain Islam.³⁷ Alasan fitnah bagi kelangsungan hidup wanita Muslimah dalam berumah tangga dan masyarakat Muslim ini pernah dijadikan salah satu alasan sahabat 'Umar bin Khaṭṭāb semasa menjadi khalifah untuk melarang perkahwinan berbeza agama yang dilakukan para sahabat. 'Umar bin Khaṭṭāb mengatakan:

المسلم يتزوج النصرانية ولا يتزوج النصراني المسلمة

Maksudnya:

"Lelaki Muslim (boleh) mengahwini perempuan Nasrani, akan tetapi lelaki Nasrani tidak boleh mengahwini perempuan Muslimah."³⁸

Daripada pernyataan 'Umar dapat difahami bahawa jika kebolehan mengahwini wanita non Muslim secara bebas akan menimbulkan impak negatif di masa

³⁷ Dewi Sukarti (2003), *Op. Cit.*, hlm. 51-54.

³⁸ Shamsuddin M. bin M. al-Khātib al-Sharbiniy (t.t), *Mughnī al-Muhtāj*. Beirut: Dār al-Kitābi, hlm. 308. dan Abū Ja'far Muhammad ibn Jarīr al-Ṭabarī (2001), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl al-Qur'ān*, juzuk II. Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 222.

hadapan, sama ada terhadap keluarga mahupun masyarakat. Kerana jika tidak dilakukan langkah pencegahan tersebut, dikhuatirkan dapat merugikan umat Islam, khususnya wanita Muslimah yang kurang mendapat "tempat" di hati lelaki Muslim.

Daripada huraian *maslahat* dan *mafsadat* di atas, perkahwinan berbeza agama dianggap oleh beberapa ulama sebagai perkara yang lebih banyak *mafsadat*nya daripada maslahatnya. Oleh itu, beberapa ulama fikah lebih cenderung untuk melarang secara tegas perkahwinan berbeza agama, terutama ulama daripada golongan Syiah Imāmiyah³⁹, Sayyid Qutb⁴⁰ dan al-Ṭabarsī⁴¹. Pendapat mengenai larangan perkahwinan berbeza agama tanpa terkecuali ini kemudian diikuti juga oleh Kompilasi Hukum Islam dan juga fatwa Majelis Ulama Indonesia.

Pertimbangan *mafsadat* daripada berlakunya perkahwinan berbeza agama sebagaimana yang dijelaskan para ulama di atas berbeza dengan realiti keluarga yang dijumpai oleh penyelidik. Daripada penyelidikan ini didapati bahawa perbezaan agama bukan merupakan faktor utama yang menjadi punca konflik dalam rumah tangga, justeru ianya bukan lagi menjadi permasalahan ketika mereka sudah memutuskan untuk melangsungkan perkahwinan. Konflik dan pertengkaran yang berlaku dalam rumah tangga yang berbeza agama lebih disebabkan pelbagai permasalahan yang biasa juga berlaku dalam keluarga seagama, seperti faktor ekonomi.⁴² Selain itu, dalam kehidupan rumah tangga yang berbeza agama juga tercipta keluarga yang harmoni dan toleran dalam pelbagai perkara, terutama perkara yang berhubung kait dengan pendidikan dan bimbingan anak dalam agama. Di mana anak diberikan kebebasan dalam memilih

³⁹ 'Alī al-Ṣobūnī (1972), *Tafsīr Ayāt al-Ahkām*. Mekah: Dār al-Qur'ān al-Karīm, hlm. 287. Bandingkan dengan Faḍlī Faḍlullāh (1987), *Al-Ijtihād wa al-Manṭiq al-Fiqhī fī al-Islām*. Beirut: Dār al-Ṭaliyah, hlm. 26.

⁴⁰ Ibn Ismā'il Kathīr (1989), *Op.Cit.*, hlm. 348.

⁴¹ Abū al-Faḍl Shihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-Alūsī al-Baghdādī (t.t), *Rūḥ al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm wa al-Sab al-Mathānī*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth, hlm. 65-66.

⁴² Ahmad Nurcholish (2004), *Memoar Cintaku: Pengalaman Empiris Nikah Beda Agama*. Yogyakarta: LKiS, hlm. 117.

agama yang akan dipeluknya. Dari sini boleh dikatakan perbezaan agama bukan merupakan penghalang untuk mewujudkan keluarga *sakīmah, mawaddah wa raḥmah*.⁴³

Melihat kenyataan ini, penyelidik lebih sepakat dengan pendapat majoriti ulama yang tidak melarang perkahwinan berbeza agama secara keseluruhan, namun dengan sikap waspada dalam melaksanakannya. Di mana ketika seorang lelaki Muslim merasa tidak mampu melakukan dakwah Islam pada calon isterinya yang non Muslim dan tidak mampu membimbing anak-anaknya kelak secara Islam, maka lebih baik ia menghindari perkahwinan sedemikian, dan sebaliknya. Oleh itu, jumhur ulama tidak menetapkan hukum haram secara mutlak terhadap perkahwinan berbeza agama, tetapi membolehkan lelaki Muslim mengahwini wanita Ahli Kitab meski dalam kebolehan itu berlaku perbezaan pendapat. Menurut sebahagian Mazhab Hanāfi, Shāfi'i, dan Hanbalī menetapkan hukum makruh, dan menurut sebahagian Mazhab Mālikī, Ibn Qāsim dan Khalīl menetapkan hukum boleh secara mutlak, serta menurut al-Zarkashī (Mazhab Shāfi'i) menetapkan hukum sunat jika wanita Ahli Kitab tersebut diharapkan dapat masuk Islam.⁴⁴

Oleh itu, langkah yang lebih bijak, menurut hemat penyelidik, adalah bagi masyarakat Muslim yang mahu berkahwin dengan wanita non Muslim, lebih baik menghindari amalan sedemikian jika tidak mampu menjalankan dakwah Islam, membimbing dan mendidik anak-anaknya secara Islam. Bagi perundangan di Indonesia, tidak seharusnya melarang secara mutlak perkahwinan seperti itu, tetapi memberikan

⁴³ Daripada 10 pelaku perkahwinan berbeza agama yang diteliti oleh penyelidik di kawasan Semarang Solo, dan Yogyakarta terdapat 8 orang yang anak-anaknya beragama mengikuti agama bapaknya (Islam), ada 2 orang yang suaminya boleh mengajak isterinya bertukar ke agama Islam, dan selebihnya isteri (non Muslim) mempertahankan agamanya dan anak-anaknya juga mengikuti agama ibunya. Akan tetapi pada kes terakhir, di dalam rumah tangganya selalu diberikan kebebasan dalam beragama serta tercipta keluarga toleran dan harmoni. Pernyataan ini juga salah satunya dikatakan oleh beberapa pelaku perkahwinan berbeza agama yang merasa tidak menyeludupkan hukum negara (kerana agamanya membolehkan) dan mahu menyebutkan identitinya, diantaranya Fx. Joko Purwanto (Katolik) dan Siti Haryani (Islam) berkahwin pada tahun 1983, Candra (Islam) dan Endang (Katolik) menikah tahun 2002, Temu bual pada 23 Disember 2009. serta Abdullah (Muslim) dan Retno Pratitis (Katolik) dan telah menjadi Muslimah) berkahwin pada tahun 2006, Temu bual pada 28 Disember 2009. Serta Fatah Muria (Islam) dan Farah P. Priswari (Katolik dan telah menjadi Muslimah), Temu bual pada 6 Januari 2009.

⁴⁴ M. Ali Hasan (1998), *Masail Fiqhiyyah al-Haditsah*. Jakarta: Raja Grafindo, hlm. 13.

ketetapan yang berasaskan iktibar dari keputusan Khalifah ‘Umar bin Khaṭṭāb, iaitu membolehkan dengan syarat yang tegas. Sehingga jika syarat itu tidak boleh dilaksanakan oleh seorang lelaki Muslim, maka ianya dilarang. Perkara ini boleh merujuk daripada ketentuan perundangan Indonesia yang memperuntukkan tentang poligami, di mana Undang-undang Perkahwinan berasaskan perkahwinan monogami tetapi membolehkan kahwin lebih daripada satu dengan syarat yang jelas dan tegas.⁴⁵ Langkah ini perlu diambil dengan alasan al-Quran sebagai sumber hukum Islam membolehkan perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab, majoriti ulama dalam Islam juga membolehkan perkahwinan seperti itu, serta masih ada kemungkinan maslahat daripada perkahwinan seperti itu dapat dilaksanakan iaitu berdakwah. Di samping itu, tidak semua *mafsadat* daripada perkahwinan berbeza agama sebagaimana yang dikhuatirkan sebahagian ulama berlaku pada setiap keluarga yang berbeza agama.

⁴⁵ Lihat UU No. 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan seksyen 3 hingga seksyen 5.